

Tidak boleh umum calon PM, nanti ada yang kecewa – Tun Mahathir
Astro Awani
Dis 23, 2016
Harits Asyraf Hasnan

PETALING JAYA: Pakatan pembangkang sepatutnya membuat keputusan secara kolektif dalam menentukan calon yang akan menjadi perdana menteri jika pakatan itu menang pada Pilihan Raya Umum akan datang.

Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata jika nama calon perdana menteri diumumkan pada ketika ini, ia akan menyebabkan kekecewaan dan perdebatan sesetengah pihak.

"Ia patut diumumkan oleh gabungan pakatan pembangkang. Jika mereka umumkan (awal), ada pihak yang akan kecewa sekali gus menyebabkan perdebatan antara kami. Buat masa ini kami tidak boleh umum Perdana Menteri," katanya selepas menghadiri Forum Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 di pejabat *Malaysiakini*, pada Khamis.

Ditanya bila masa yang sesuai untuk diumumkan, ini jawabnya.

"Mungkin semasa pilihan raya. Ia mesti keputusan popular oleh semua parti, bukan satu parti sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas saranan Pengarah Komunikasi, Parti Amanah Negara (Amanah) Khalid Samad yang mahu Pakatan Harapan membuat keputusan mengenai pilihan gabungan itu sebagai perdana menteri jika mereka memenangi pilihan raya bagi mengelakkan perebutan kuasa.

Tambahan Ahli Parlimen Shah Alam itu, perkara berkenaan mempunyai kepentingan orang ramai.

Tag: [Tun Mahathir Mohamad](#), [Forum Akta Universiti dan Kolej Universiti \(AUKU\) 1971](#), [Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia \(PPBM\)](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-politik/tidak-boleh-umum-calon-pm-nanti-ada-yang-kecewa-tun-mahathir-126621>